

Banteras dadah perlu kerjasama masyarakat

May 26, 2015, Tuesday

Orang awam tidak harus takut melapor kegiatan penagihan dadah di kawasan masing-masing

Oleh Mohd Norhadie Sahari //

MIRI: Masyarakat setempat harus bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan kerajaan dalam usaha memerangi gejala penagihan dadah berikutan peningkatan kes itu di Sarawak.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional Wan Zain Syed Mohdzar berkata, orang awam tidak harus takut melapor kegiatan penagihan dadah di kawasan masing-masing kepada pihak berkuasa.

“Usaha memerangi najis dadah memerlukan kerjasama semua pihak. Kita tidak boleh bergantung kepada kerajaan sahaja sebaliknya bertanggungjawab melaporkan jenayah itu,” katanya kepada Utusan Borneo kelmarin.

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Sarawak kelmarin melaporkan Sarawak mencatat 64 kes penyalahgunaan dadah baharu dan tujuh kesalahan berulang bagi Januari hingga Mac tahun ini.

Pengarah AADK Sarawak Wan Madihi Wan Salleh berkata, daripada jumlah itu, Kuching merekod 87 kes baharu dan 12 kesalahan berulang, diikuti Sarikei dan Miri masing-masing 12 kes baharu.

Mengulas lanjut, Wan Zain berkata meskipun kerajaan mengadakan pelbagai kempen kesedaran pencegahan dadah, namun ia masih tidak berkesan jika penguatkuasaan tidak diperketat menerusi operasi bersepadu.

Beliau memberitahu, Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM), AADK serta agensi-agensi lain yang berkaitan termasuk NGO telah mengadakan pelbagai strategi bagi membanteras gejala berkenaan.

“Kempen kesedaran sahaja tidak mencukupi untuk memerangi dadah sebaliknya strategi lain lebih berkesan harus dirancang bagi memastikan najis dadah ini tidak merebak dalam masyarakat,” katanya.

Agensi kerajaan berkaitan katanya, harus memperluas operasi mencegah penagihan dadah termasuk di institusi pengajian tinggi dan sekolah kerana golongan itu terdedah dengan trend penagihan dadah.

“Apabila pengedar dadah ini tidak dihapus sepenuhnya, kerajaan akan menanggung beban dan kerugian kerana masyarakat selama ini membayar cukai untuk tujuan pembangunan. Jadi terpaksa akur jika ia digunakan untuk pusat pemulihan,” jelasnya.

Selain itu, pihak sekolah juga harus memantau pelajar bermasalah di sekolah termasuk melapor kes penagihan dadah jika ia berlaku serta tidak merahsia perkara itu semata-mata tidak mahu sekolah mendapat malu.

“Saya ingin menggesa kepada masyarakat agar sama-sama membantu AADK dalam memerangi najis dadah.

“Jika tidak dibendung, ia memberi kesan negatif kepada individu dan masyarakat,” katanya.